

**PENGGUNAAN BUKU TEKS DI SEKOLAH BESTARI:
TUMPUAN KEPADA SEKOLAH BESTARI DI
WILAYAH PERSEKUTUAN**

MAS AYU BINTI DAHALAN

**JABATAN PENGAJIAN MEDIA
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
2003**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511141203

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak yang telah menyelia, membimbing dan memberikan nasihat serta panduan untuk menyiapkan desrtasi ini. Ucapan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Azizah Hamzah yang juga telah turut membantu menjayakan kajian ini.

Kepada Kementerian Pendidikan, terima kasih atas tawaran biasiswa dan cuti belajar yang diberikan. Rakaman terima kasih juga ditujukan kepada Puan Laila bt Mohd Sabri, Pegawai dari Bahagian Buku Teks dan Cik Chan Poh Mei Pegawai Unit Rintis Sekolah Bestari, Bahagian Teknologi Pendidikan.

Kerjasama dan jasa baik daripada para Pengetua, Penolong Kanan HEM/HEP, para guru dan juga para pelajar Sek. Men. Kompleks Seri Bintang (Utara), Sek. Men. Alam Shah, Sek. Men. Sains Selangor dan Sek. Men. Victoria dan mereka yang terlibat dalam kajian ini, diucapkan ribuan terima kasih dan hanya Allah yang dapat membalas budi anda semua.

Mas Ayu binti Dahalan

September 2002

ABSTRAK

Kajian ini dibuat untuk mengetahui sejauh mana tahap relevannya penggunaan buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Bestari. Di samping itu kajian ini juga akan mengenal pasti amalan pelajar dan guru dalam penggunaan buku teks serta pandangan mereka terhadap keperluan buku tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu konsep pendidikan bestari dalam konteks pendidikan di Malaysia juga turut dihuraikan dalam kajian ini. Responden dalam kajian ini terdiri daripada semua guru tingkatan dua yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, dan Matematik di Sekolah Bestari yang dipilih iaitu Sek. Men. Kompleks Seri Bintang (Utara), Sek. Men. Alam Shah, Sek. Men. Sains Selangor dan Sek. Men. Victoria. Responden pelajar pula terdiri daripada dua kelas pelajar tingkatan dua di sekolah yang tersebut. Selain para guru dan pelajar pengkaji juga menemubual Puan Laila bt Mohd Sabu dari Bahagian Buku Teks dan Cik Chan Poh Mei dari Unit Rintis Sekolah Bestari, Bahagian Teknologi Pendidikan. Dapatkan kajian mendapati bahawa penggunaan buku teks di kalangan pelajar kurang memuaskan, hanya sebahagian sahaja pelajar yang bersetuju buku teks adalah bahan rujukan bercetak utama pengajaran dan pembelajaran. Buku teks matematik pula adalah buku yang paling relevan digunakan dan diikuti mata pelajaran Sains. Buku teks Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris didapati kurang relevan dan terdapat Sekolah Bestari yang dipilih langsung tidak mempunyai buku teks tersebut. Kajian ini juga mendapati buku teks penting kepada para pelajar untuk menyiapkan latihan yang diberi guru. Selain itu buku teks diperlukan untuk membuat nota. Manakala

latihan yang terdapat dalam buku teks memudahkan mereka untuk memahami pelajaran. Terdapat pelajar yang bependapat penggunaan buku teks, buku rujukan dan bahan perisian yang disediakan Telecom Smart School (TSS) secara seiring akan mendapatkan pembelajaran yang berkesan, kerana semua sumber pendidikan tersebut akan saling melengkapi antara satu sama lain. Manakala sebahagian besar guru menyatakan tidak bersetuju bahawa buku teks adalah bahan rujukan utama pengajaran dan pembelajaran. Namun, kebanyakan guru bersetuju buku teks dapat menterjemahkan Kurikulum Pendidikan Negara. Mereka juga beranggapan bahawa buku teks masih diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran. Terdapat segelintir guru menyatakan bahawa bahan perisian yang dibekalkan TSS tidak boleh menggantikan peranan buku teks sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana bagi mata pelajaran Matematik dan Sains buku teks masih diperlukan. Buku teks penting kepada guru sebagai penunjuk sukanan pelajaran dan sebagai panduan untuk merancang pengajaran dan pembelajaran. Oleh sebab itu para guru tetap akan menggunakan buku teks walaupun tidak kerap atau bergantung terus dengan buku tersebut.

KANDUNGAN

Halaman

PENGHARGAAN	I
ABSTRAK	II
KANDUNGAN	IV
BAB 1: PENGENALAN	
1.1. Pendahuluan	1
1.2. Pernyataan masalah	4
1.3. Objektif kajian	10
1.4. Kepentingan kajian	10
1.5. Batasan kajian	11
1.6. Tinjauan kajian penggunaan buku teks	14
1.7. Tinjauan kajian berkaitan	18
BAB 2: PENGGUNAAN BUKU TEKS DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	
2.1. Buku teks	27
2.2. Peranan dan fungsi buku teks	31
2.3. Kualiti buku teks	34
2.4. Kriteria pemilihan buku teks	36
2.5. Model pengajaran menggunakan buku teks	39
BAB 3: KAEADAH KAJIAN	
3.1. Kaedah tinjauan	47
3.2. Instrumen soal selidik	47
3.3. Responden kajian	50
3.4. Analisis data	51
3.5. Senarai buku teks	52
3.6. Senarai kelengkapan komputer	55
3.7. Kajian rintis	56
3.8. Prosedur kajian	56

BAB 4: PENDIDIKAN SEKOLAH BESTARI

4.1. Sekolah Bestari	57
4.2. Latar belakang Sekolah Bestari	58
4.3. Ciri-ciri Sekolah Bestari	59
4.4. Konsep Sekolah Bestari	61
4.5. Komponen Sekolah Bestari	62
4.6. Objektif Sekolah Bestari	64
4.7. Dasar Sekolah Bestari	65
4.8. Pengurusan Sekolah Bestari	65
4.9. Pelaksanaan Sekolah Bestari	66
4.10. Projek Rintis Sekolah Bestari	68
4.11. Perbezaan pendidikan Sekolah Bestari dan sekolah biasa	69
4.12. Cabaran masa depan Sekolah Bestari	72
4.13. Teori pengajaran dan pembelajaran	73

BAB 5: HASIL KAJIAN

5.1. Liputan hasil kajian	81
5.2. Profail responden	82
5.3. Penggunaan buku teks oleh pelajar	88
5.4. Penggunaan buku teks oleh guru	94
5.5. Persepsi guru terhadap penggunaan buku teks	98
5.6. Persepsi pelajar terhadap penggunaan buku teks	103
5.7. Ulasan para guru terhadap penggunaan buku teks	106
5.8. Pendapat guru terpilih mengikut mata pelajaran	108
5.9. Peranan BBT	110
5.10. Peranan Unit Rintis Sekolah Bestari, BTP	112

BAB 6: KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1.	Rumusan kajian	113
6.2.	Konsep pendidikan Sekolah Bestari di Malaysia	113
6.3.	Tahap penggunaan buku teks di Sekolah Bestari	114
6.4.	Persepsi dan amalan pelajar dalam penggunaan buku teks	116
6.5.	Persepsi dan amalan guru dalam penggunaan buku teks	118
6.6.	Kesimpulan	119
6.7.	Cadangan	119
6.8.	Cadangan kajian lanjutan	123
6.9.	Penutup	125
	SENARAI RUJUKAN	126
	LAMPIRAN	136